



## TAWARAN PENYEWAAN GERAI TAMAN EKO RIMBA JABATAN PERHUTANAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN

**TARIKH IKLAN : 22 Mac 2024**

Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan ingin menawarkan sewaan gerai dan mempelawa mana-mana pihak yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan penyewaan gerai Taman Eko Rimba seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Kekosongan	Jenis perniagaan
1.	Taman Eko Rimba Ulu Bendul	3 unit	Makanan & Minuman
2.	Taman Eko Rimba Gunung Datuk	1 unit	Makanan & Minuman
3.	Taman Eko Rimba Pasir Panjang	2 unit	Makanan & Minuman
4.	Taman Eko Rimba Jeram Tengkek	3 unit	Makanan & Minuman

### Syarat – Syarat Am Permohonan

1. Warganegara Malaysia.
2. Pemohon hanya layak untuk memohon satu (1) lokasi sahaja.
3. Pemohon diwajibkan melawat lokasi dan keadaan gerai sebelum menghantar borang permohonan.
4. Borang permohonan boleh didapatkan melalui Kaunter Hasil, Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan
5. Segala perbelanjaan bagi maksud permohonan sewaan gerai adalah di bawah tanggungan pemohon.
6. Dokumen yang tidak lengkap akan **ditolak**.

### Syarat – Syarat Khas Permohonan

1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Mempunyai lesen yang berkaitan untuk beroperasi (jika ada).
3. Pengendalian gerai melibatkan penyediaan makanan dan minuman sebagai perniagaan utama.
4. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam pengendalian makanan dan minuman.
5. Mempunyai Sijil Halal atau berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 040103 (Makanan Bermasak Islam) yang masih sah laku (jika ada).

6. Mengemukakan bukti bahawa pekerja yang mengendalikan makanan dan minuman telah mendapat suntikan tifoid di klinik kerajaan/swasta (jika ada).

#### Dokumen – Dokumen Diperlukan

Mengemukakan bersama salinan dokumen-dokumen yang disenaraikan di bawah semasa penyerahan borang permohonan penyewaan gerai Taman Eko Rimba

1. Salinan Kad Pengenalan pemohon;
2. Sekeping gambar berukuran passport;
3. Lesen berkaitan yang sah untuk beroperasi (jika ada);
4. Sijil Pendaftaran SSM (Borang 9/13, 24 & 49 atau Borang D/E);
5. Profil perniagaan;
6. Sijil Halal atau berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 040103 (Makanan Bermasak Islam) yang masih sah laku (jika ada);
7. Bukti suntikan tifoid pekerja yang akan mengendalikan makanan dan minuman (jika ada); dan
8. Senarai menu, katering (jika berkaitan) serta harga makanan dan minuman yang dicadangkan.
9. Salinan penyata akaun bank (Disember 2023, Januari 2024, Februari 2024)

Borang permohonan yang lengkap hendaklah diserahkan ke Kaunter Hasil, Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Blok C, Tingkat 4, Wisma Negeri, 70503 Seremban selewat-lewatnya pada **29 Mac 2024 (Jumaat) sebelum 12.00 tengahari**.

Lawatan tapak akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Taman Eko Rimba Ulu Bendul : 28 Mac 2024 (9:30 pagi)

Taman Eko Rimba Jeram Tengkek : 28 Mac 2024 (2:30 petang)

Taman Eko Rimba Gunung Datuk : 29 Mac 2024 (9:30 pagi)

Taman Eko Rimba Pasir Panjang : 29 Mac 2024 (3:30 petang)

Hanya pemohon yang melepas tapisan akan dipanggil untuk sesi temuduga melalui panggilan telefon dan/atau emel. Mana-mana pemohon yang telah disenaraikan pendek tetapi tidak menghadiri sesi temuduga dianggap tidak berminat dan tiada permohonan rayuan akan diterima. Permohonan yang tidak mendapat sebarang maklumbalas dalam tempoh enam (6) bulan dari April 2024 adalah di anggap tidak berjaya.